

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN  
(BUKIT KATIL)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.03.2015**

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST pada April 2015, di mana dijangka akan meningkatkan kadar inflasi dan penurunan kuasa beli rakyat, adakah Kerajaan akan mengkaji semula DASAR gaji minima dan pengagihan BRIM kepada hanya sekelompok unit masyarakat.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah salah satu langkah Kerajaan dalam

menyusun semula struktur percukaian negara supaya lebih telus, efisien dan mesra peniaga. GST merupakan cukai kepenggunaan yang menggantikan cukai jualan (yang dilaksanakan semenjak tahun 1972) dan cukai perkhidmatan (semenjak 1975) atau SST. SST mempunyai beberapa kelemahan seperti elemen cukai berganda, harga tidak telus kepada pengguna dan eksport tidak kompetitif. Manakala, GST adalah lebih telus kerana pengguna kini tahu sama ada barangan atau perkhidmatan diperoleh tertakluk kepada cukai dan amaun cukai yang perlu dibayar.

2. GST kini telah dilaksanakan di lebih 169 buah negara dan kadar 6% adalah yang paling rendah di kalangan negara ASEAN. GST tidak dikenakan kepada item terpilih seperti barangan makanan asas, perkhidmatan Kerajaan dan perkhidmatan pengangkutan awam serta penjualan, pembelian dan sewaan rumah kediaman. Kerajaan akan menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan termasuk pengurangan cukai pendapatan dan bantuan tunai untuk mengurangkan impak GST kepada pengguna.

3. Secara keseluruhan, impak kepada Indeks Harga Pengguna (IHP)

ekoran daripada pelaksanaan GST hanya pada kadar 1.08 peratus. Selain itu, harga barangan juga akan sentiasa dipantau dan risalah harga barangan akan diedarkan sebagai panduan kepada pengguna supaya lebih bijak berbelanja.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan pelaksanaan GST berkuatkuasa 1 April 2015, Kerajaan akan terus kekal dengan Dasar Gaji Minimum yang mula dilaksanakan pada 2013. Kajian semula gaji minimum telah pun dilaksanakan pada 2014 dan akan dibentangkan kepada Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dalam tahun 2015 ini. Kajian bertujuan untuk memastikan bahawa objektif utama pelaksanaan gaji minimum tercapai iaitu dari segi memastikan keperluan asas pekerja dipenuhi, menyediakan satu jaringan perlindungan sosial yang mencukupi kepada para pekerja, menggalakkan industri beralih arah kepada pengeluaran yang berintensif teknologi dan meningkatkan produktiviti serta mengurangkan pergantungan negara kepada pekerja asing.

5. Bagi membantu meringankan beban kenaikan kos sara hidup terutama golongan berpendapatan rendah, Kerajaan telah meneruskan

pemberian BR1M pada 2015. Bantuan BR1M diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Pada masa ini, penetapan isi rumah di bawah RM4,000 sebagai penerima BR1M masih dikekalkan mengambil kira matlamat BR1M iaitu bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah dan yang mudah terjejas apabila program rasionalisasi subsidi Kerajaan dilaksanakan.

6. Dengan pelaksanaan GST pada tahun 2015, Kerajaan telah bersetuju BR1M diagihkan secara berperingkat dengan jumlah ditambah seperti berikut:

1. Isirumah berpendapatan kasar bulanan RM3,000 dan ke bawah : RM950
2. Isirumah berpendapatan kasar bulanan RM3,001 hingga RM4,000 : RM750
3. Individu bujang berpendapatan kasar bulanan RM2,000 dan kebawah : RM350

7. Bagi mereka yang berpendapatan lebih daripada RM4,000, Kerajaan turut menyediakan pelbagai inisiatif bagi meringankan beban

perbelanjaan harian akibat daripada kos sara hidup. Antara langkah sedia ada yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan; dan
- ii. Cukai pendapatan individu juga akan distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000